

ABDUL MUJIB JUARA PERTANDINGAN SYARAHAN

Oleh Syahmi Hassan

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 OKT – Bagi menyemarakkan sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW di samping memupuk bakat pelajar dalam penyampaian syarahan dengan baik dan berkualiti, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Pertandingan Syarahan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW Tahun 1444H/2022M, bertempat di Auditorium, UNISSA baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UNISSA, Dr Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan.

Pertandingan syarahan yang bertemakan 'Bersabar, Berikhtiar, Berdoa dan Bertawakal Menghadapi Ujian; Meraih Syafaat Rasulullah' itu telah menampilkan tujuh peserta dalam kalangan pelajar yang mewakili fakulti dan pusat akademik.

Johan pertandingan telah disandang pelajar tahun 3 daripada Fakulti Usuluddin, Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan, manakala tempat kedua dimenangi pelajar tahun 2 daripada Fakulti Teknologi Islam, Awang Muhammad Firdaus bin Sait dan tempat ketiga dimenangi pelajar tahun 1 daripada Pusat

Penyelidikan dan Halalan Thayyiban, Dayang Nur 'Siti' Zirwatul Amal binti Mohammad Zulkifli.

Majlis seterusnya diserikan lagi dengan persembahan tausyeh daripada kumpulan Firqatul Muhibbil Lahni. Kumpulan tausyeh itu terdiri daripada mahasiswa UNISSA yang telah mendapat tempat ketiga di dalam Pertandingan Tausyeh bagi Dewasa dan Belia Masjid Senegara Anjuran Bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah Tahun 1444H/2022M.

Penyampaian hadiah dan sijil kepada peserta-peserta pertandingan kemudiannya disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.



Dr Hajah Lilly Suzana menyampaikan hadiah kepada Awang Abdul Mujib pada majlis tersebut. - Gambar serahan UNISSA



Dr Hajah Lilly Suzana hadir bersama tetamu lain pada majlis tersebut.